

- 3.9.2 Bagi maksud mempelawa tender, notis tender lazimnya disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama bahasa melayu; contohnya Berita Harian atau Utusan Malaysia. Notis tender antara lain menyatakan, kelas (dan kepala dan subkepala pendaftaran) kontraktor yang dipelawa, pejabat dari mana dokumen tender boleh diambil, pejabat di mana tender akan diserahkan kembali dan tarikh yang ditetapkan bagi penyerahan tender. Dokumen tender hendaklah diambil dan diserahkan kembali di pejabat yang sama, sama ada di Pejabat JKR Negeri atau di Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya. Tempoh pelawaan tender lazimnya ditetapkan selama minimum tiga minggu.
- 3.9.3 Tender-tender akan dibuka oleh satu Jawatankuasa Membuka Tender yang menjadualkan nama, harga tender dan tempoh penyiapan setiap petender ke dalam satu jadual tender. Tender-tender yang diterima, bersama dengan jadual tender, akan dikembalikan kepada pejabat yang mempelawa tender untuk penilaian. Satu jadual berasingan yang menyenaraikan harga-harga tender yang diterima disediakan dan dipamerkan pada papan kenyataan untuk makluman semua petender.

3.10 Penilaian dan Setujuterima Tender

- 3.10.1 Pejabat yang mempelawa tender akan mengkaji dan menilai tender, dan membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan. Perakuan tender dibuat kepada sama ada Lembaga Perolehan di peringkat Negeri atau peringkat Kementerian Kerja Raya atau di peringkat Ibu Pejabat JKR, bergantung kepada harga tender dan pejabat mana (sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Negeri) yang menerima tender tersebut. Semua perakuan kepada Lembaga Perolehan di Kementerian Kerja Raya atau di Ibu Pejabat JKR diproses dan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan melalui Urusetianya di Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.
- 3.10.2 Surat Setujuterima Tender akan dikeluarkan setelah kelulusan Lembaga Perolehan (dan Kementerian Kewangan bergantung kepada harga tender) telah diperolehi. Walau bagaimanapun sebelum Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, pengesahan mengenai kecukupan peruntukan perlu dibuat terlebih dahulu dengan Kementerian/Jabatan Pelanggan.